

Perbaiki prosedur lapuk

PM mahu Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Peguam Negara diaktifkan

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Jabatan Peguam Negara yang memikul tanggungjawab berat perlu diaktifkan dengan semua prosedur kerja dianggap lapuk, dikaji semula.

Perdana Menteri berkata, agensi lain juga harus menilai semula segala prosedur kerja yang difikirkan sudah tidak sesuai dengan perkembangan semasa untuk diperkemas serta diperbaiki.

"Kita kena sama-sama laksanakan dan mengambil langkah perlu ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat,"

“Kita tidak mahu bila jadi apa-apa, orang kata JPM lewat, iaitu kita pula jadi agensi yang dijadikan alasan bila sesuatu perkara itu lewat dan tidak dapat dilaksanakan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

katanya pada Perhimpunan Bulanan kakitangan dan pegawai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana, di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan Ketua Pengarah BPR, Datuk Seri Zulkipli Mat Noor.

Abdullah berkata, mana-mana bahagian dan seksyen yang perlu dibaiki, hendaklah dikaji dan prosedur baru pula mesti diluluskan dengan cepat.

"Ini semua perlu diberi perhatian," katanya sambil memberi contoh bagaimana prosedur pada waktu kecemasan ketika berdepan dengan

bencana alam boleh dikaji semula oleh pihak terbabit.

Beliau berkata, Bahagian Keselamatan Negara (BKN) misalnya, apabila tidak begitu sibuk melaksanakan tugas yang ada hubung kait dengan membantu mangsa bencana alam, boleh menggunakan masa itu untuk mengkaji semula segala prosedur.

"Sudah sampai masanya kita mengadakan kajian semula kerana pelan kecemasan bagi menghadapi segala kemungkinan yang kita buat itu sudah lama. Itu sudah lama dulu. Antara aspek yang perlu dilihat ialah pembabitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan segala kekurangan dari segi pembayaran.

"Sebagai contoh, segala kelemahan yang ada perlu dianalisis dan

diperbaiki oleh jawatankuasa bentan bencana seperti kelewatan nyalur bantuan serta pembayara pada mangsa.

"Kepada saya, ini penting dan harus menanganinya secara bersan kerana akhirnya, sistem penyampaian kerajaan perlu dimantapkan katanya.

Laporan media baru-baru ini antara lain menyebut mengenai 5% milik Proton Holdings yang ters hampir 10 bulan di Sabak Berdan Hutan Melintang yang sepatunya diserahkan kepada mangsa nami.

Bot itu akhirnya diserahkan pada nelayan mangsa tsunami Kuala Kedah baru-baru ini, sel hampir setahun kejadian itu.